

PANDUAN LANTIKAN DAN TANGGUNGJAWAB PENERUSI VIVA

Syarat Lantikan Penerus Peperiksaan Lisan

- i. Penerus dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- ii. Penerus mestilah seorang Profesor. Dalam keadaan tertentu seperti Penerus yang dilantik tidak dapat mempengerusikan peperiksaan kerana kecemasan tetapi tiada seorang profesor pun untuk menggantikannya, seorang profesor madya boleh dilantik.
- iii. Penerus mestilah berkecuali, tidak ada kepentingan dan tidak boleh diragui tentang sifat berkecualinya.
- iv. Penerus tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan calon, pemeriksa mahupun dengan penyelia.
- v. Penerus tidak boleh terlibat dan mempunyai kepentingan dengan kajian tesis yang dinilai.

Peranan Penerus Peperiksaan Lisan

- i. Memastikan semua dokumen peperiksaan lengkap.
- ii. Memulakan sesi peperiksaan dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli panel.
- iii. Memastikan sesi peperiksaan berjalan mengikut peraturan peperiksaan lisan.
- iv. Memastikan peperiksaan lisan berjalan dengan harmoni.
- v. Membuat laporan peperiksaan berkenaan keputusan panel pemeriksa dan pembetulan yang akan dilaporkan kepada JKTS pada akhir sesi peperiksaan.
- vi. Memaklumkan kepada pelajar keputusan panel pemeriksa serta pembetulan yang perlu dibuat jika ada.
- vii. Penerus bukan seorang pemeriksa dan tidak sewajarnya menyoal pelajar seperti pemeriksa. Beliau boleh mengulang sesuatu soalan pemeriksa dengan cara lain jika didapati pelajar tidak memahami soalan tersebut.
- viii. Penerus tidak terlibat dalam membuat keputusan tetapi membantu pemeriksa untuk menghasilkan keputusan bersama.

- ix. Memastikan tidak ada perbincangan atau soal-jawab dengan pelajar kecuali sangat perlu dan terkawal.
- x. Membenarkan penyelia dan pemeriksa berbincang selepas sesi soal-jawab dengan pelajar sebelum membuat keputusan.
- xi. Memastikan pemeriksa, penyelia dan pelajar memainkan peranan mereka seperti di bawah.

Peranan Pemeriksa

- i. Menilai tesis sama ada telah mencapai kualiti yang dikehendaki untuk penganugerahan.
- ii. Mengemukakan soalan untuk mengesahkan bahawa tesis adalah hasil kajian dan penulisan yang dilakukan oleh pelajar berkenaan.
- iii. Menghasilkan keputusan bersama setelah mempertimbangkan tesis dan penjelasan pelajar.
- iv. Mencadangkan pembetulan atau kerja tambahan yang perlu dilakukan.

Peranan Penyelia

- i. Sebagai saksi terhadap perjalanan peperiksaan.
- ii. Memberi penjelasan hanya jika diminta oleh pemeriksa atau pengerusi.
- iii. Mengambil perhatian terhadap keputusan peperiksaan dan pembetulan atau kerja tambahan yang perlu dilakukan.
- iv. Tidak menjawab soalan bagi pihak pelajar semasa sesi soal jawab.

Peranan Pelajar

- i. Hadir dalam sesi peperiksaan.
- ii. Berpakaian kemas dan bersopan.
- iii. Membuat persediaan awal sebelum peperiksaan.
- iv. Membuat pembentangan ringkas antara 10 – 20 minit untuk mengemukakan hasil kajian yang tertulis dalam tesis.

- v. Menjawab semua soalan pemeriksa sebaik mungkin.
- vi. Akur dengan keputusan panel peperiksaan.

PANDUAN PELANTIKAN DAN TANGGUNGJAWAB PEMERIKSA

Syarat

- i. Pemeriksa dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- ii. Bagi calon Sarjana, pemeriksa mestilah sekurang-kurangnya memiliki ijazah doktoral atau berpangkat Prof. Madya.
- iii. Bagi calon doktoral, pemeriksa mestilah sekurang-kurangnya berijazah doktoral dan berpangkat Prof. Madya melainkan dapat disahkan tiada pakar yang memenuhi syarat demikian. Oleh itu, pemeriksa mestilah sekurang-kurangnya berijazah doktoral.
- iv. Pemeriksa mestilah dari IPT atau institusi penyelidikan.
- v. Pemeriksa luar dari rantau ASEAN boleh dilantik dan ditanggung oleh SPS.
- vi. Pemeriksa luar dari rantau ASEAN boleh dilantik tetapi TIDAK ditanggung oleh SPS.
- vii. Pemeriksa tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan calon mahupun dengan penyelia.
- viii. Pemeriksa tidak boleh terlibat dan mempunyai kepentingan dengan kajian tesis yang dinilai.
- ix. Staf UTM yang dipinjamkan ke organisasi lain boleh dilantik sebagai Pemeriksa Dalam.

Pencalonan

- i. Penyelia mencalonkan tiga nama pemeriksa luar dan tiga nama calon pemeriksa dalam dengan memenuhi borang notis menghantar tesis dan dihantar kepada Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti (JKPSF).
- ii. Jika tiada calon berkelayakan, fakulti (JKPSF) boleh mencadangkan calon yang layak berserta justifikasi.
- iii. CV calon pemeriksa mestilah disertakan.
- iv. Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti akan memperaku pemeriksa dan diajukan ke Sekolah Pengajian Siswazah.
- v. JKPSF boleh memperaku nama yang dicalonkan atau nama lain dengan mengambilkira kepentingan semua pihak.

- vi. SPS akan membawa pencalonan pemeriksa ke mesyuarat JAPSU.
- vii. JAPSU boleh memperaku nama yang dicalonkan atau nama lain dengan mengambilkira kepentingan semua pihak.

Pelantikan

- i. Bagi calon doktoral, SPS akan membuat surat lantikan sebagai pemeriksa selepas diperaku oleh JAPSU.
- ii. Bagi calon sarjana, fakulti akan membuat surat lantikan sebagai pemeriksa.
- iii. Pemeriksa luar diberi masa dua minggu untuk mengesahkan penerimaan sebagai pemeriksa.
- iv. Pemeriksa dalam tidak boleh menolak pelantikan kecuali ada sebab-sebab munasabah.
- v. Bagi calon doktoral, jika pemeriksa luar menolak lantikan, SPS akan menghubungi fakulti untuk mendapatkan calon pengganti.
- vi. Bagi calon sarjana, jika pemeriksa luar menolak lantikan, fakulti akan melantik calon pemeriksa pengganti.

Tanggungjawab Pemeriksa

- i. Membaca dan membuat penilaian terhadap mutu tesis yang dikemukakan untuk tujuan penganugerahan.
- ii. Penilaian hendaklah dibuat menggunakan borang UTM(PS)-08/09 (Pind.1/04) bagi calon doktoral atau UTM (PS)-09/93 (Pind. 1/04) bagi calon sarjana.
- iii. Mengembalikan borang penilaian kepada SPS bagi calon doktoral atau fakulti bagi calon sarjana dalam tempoh enam minggu dari tarikh surat.
- iv. Bagi calon sarjana, pemeriksa luar tidak perlu hadir pada sesi peperiksaan lisan kecuali jika dikehendaki hadir.
- v. Bagi calon doktoral, pemeriksa luar mesti hadir pada sesi peperiksaan lisan.
- vi. Pemeriksa dalam mesti hadir pada sesi peperiksaan lisan.
- vii. Membuat pengesahan pembetulan dalam masa dua minggu setelah tesis yang telah dibetulkan diserahkan oleh SPS.

PANDUAN PELANTIKAN DAN TANGGUNGJAWAB PENYELIA

Syarat

- i. Penyelia utama mestilah *Graduate Faculty* dan staf sepenuh masa UTM.
- ii. Untuk calon doktoral, penyelia mestilah sekurang-kurangnya mempunyai ijazah doktoral.
- iii. Pensyarah yang bukan *Graduate Faculty* hanya boleh menjadi penyelia bersama.
- iv. Pensyarah yang sedang berdaftar sebagai pelajar di mana-mana IPT sama ada sepenuh masa atau separuh masa tidak dibenarkan menjadi penyelia.
- v. Jika penyelia bersara daripada perkhidmatan atau berpindah dari UTM, penyelia yang baru perlu dicalonkan oleh Fakulti.
- vi. Penyelia dilantik berasaskan kewibawaan, kepakaran dan profesionalisme yang tinggi.
- vii. Penyelia tidak boleh mempunyai pertalian persaudaraan yang rapat dengan calon.

Pelantikan

- i. Penyelia dilantik oleh Fakulti dan dimaklumkan kepada SPS.
- ii. Penyelia bersama dari luar UTM dilantik oleh SPS bagi pihak Universiti tetapi tanpa tanggungan kewangan oleh SPS.

Tanggungjawab

Am

- i. Penyelia hendaklah memastikan pelajar membuat perancangan penuh tentang kerja penyelidikan yang hendak dilaksanakan dan memberi nasihat sama ada akademik atau peribadi yang diperlukan.
- ii. Penyelia perlu memastikan kecemerlangan pelajar.

Semasa Penyelidikan

- i. Memberi bimbingan tentang bentuk dan mutu penyelidikan yang dijangkakan. Ini merangkumi perancangan penyelidikan, literatur dan sumber, kehadiran dalam kelas bimbingan dan teknik yang diperlukan, termasuk mengatur kuliah jika perlu.
- ii. Merancang perancangan kerja lapangan/kaji selidik yang perlu dilakukan di luar Universiti.
- iii. Memastikan pelajar mengikuti perkembangan bidang yang diselidiki.
- iv. Memberi nasihat terperinci tentang tarikh setiap peringkat kerja yang berurutan supaya hasil kerja keseluruhan dapat dihantar pada masa yang dijadualkan.
- v. Meminta dan memeriksa kertas kerja yang berkaitan penyelidikan dan memulangkannya dengan kritik yang membina dalam jangkamasa yang munasabah.
- vi. Mengurus jadual dan keperluan bagi pelajar membentangkan hasil kerjanya dalam seminar.
- vii. Membuat penilaian dan menghantar laporan kemajuan ke SPS melalui JKPSF pada masa yang ditetapkan setiap semester lazim.
- viii. Menggalak dan membantu pelajar menerbitkan hasil penyelidikan mereka di mana perlu.
- ix. Memastikan prosedur keselamatan dipatuhi oleh pelajar semasa di makmal dan semasa melakukan kerja lapangan.
- x. Mengadakan perjumpaan berkala.
- xi. Mencalon nama pemeriksa dalam dan pemeriksa luar.
- xii. Memastikan pelajar maklum akan semua peraturan Universiti dan perkara berkaitan dengan pendaftaran.
- xiii. Menyemak dan memastikan tesis adalah sesuai bagi tujuan peperiksaan lisan.

Semasa Peperiksaan Lisan

- i. Diwajibkan hadir semasa peperiksaan lisan.
- ii. Memberi perhatian kepada keputusan peperiksaan terutamanya pembetulan yang diputuskan oleh panel pemeriksa.

Selepas Peperiksaan Lisan

- i. Memastikan pelajar faham dan akur dengan segala pembetulan yang telah dicadangkan oleh Panel Pemeriksa.
- ii. Membimbing serta membantu pelajar bagi melengkapkan tesisnya bagi tujuan pemeriksaan semula jika perlu.
- iii. Menyemak tesis pelajar sebelum diserahkan untuk penilaian/peperiksaan semula.